



سيارن اخبار  
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.  
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

## **STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PENGENDALIAN PESAKIT WARGA ASING YANG TIBA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN TANDA-TANDA INFLUENZA, DAN BERITA TULAR MENGENAI PESAKIT-PESAKIT ASING YANG MENDAPAT RAWATAN DI HOSPITAL KERAJAAN YANG DISYAKI MENGHIDAP VIRUS HINI DAN KORONAVIRUS**

Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sejak berita mengenai keadaan jangkitan *virus 2019-nCoV* diumumkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 7 Januari 2020, Kementerian ini telah meningkatkan langkah kewaspadaan dan kesiapsiagaan bagi mengawal kemasukan virus berkenaan ke Negara Brunei Darussalam. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah memperkenalkan semula penggunaan pemeriksaan suhu badan bagi penumpang-penumpang yang tiba di negara ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, khususnya dari bandaraya-bandaraya di China, bermula pada 21 Januari 2020; peningkatan pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP)* di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan; dan pemantauan berterusan serta penilaian risiko keadaan jangkitan tersebut di seluruh dunia.

Kementerian Kesihatan juga ingin menjelaskan bahawa sebagaimana *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ada pada masa ini, sesiapa yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan influenza seperti demam panas, batuk dan sesak nafas, khususnya mereka yang mempunyai sejarah perjalanan ke China, akan dibawa ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha untuk pemeriksaan lanjut. Ini adalah juga prosidur rutin yang dilakukan bagi mana-mana penumpang yang sakit semasa tiba di Negara Brunei Darussalam.

Berikutan dengan penyebaran gambar dan beberapa maklumat yang tular melalui aplikasi media sosial Whatsapp dan Facebook mengenai pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan disyaki menghidap jangkitan HINI atau Koronavirus, Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa penyebaran maklumat tersebut adalah tidak tepat dan telah disebarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai dengan gambar pesakit yang dikatakan pelawat dari China yang telah tular di media sosial, Kementerian ini mengesahkan bahawa pelawat tersebut telah datang mendapatkan pemeriksaan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan dihantar ke Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk pemeriksaan lanjut dan sebagai langkah-langkah berjaga-jaga. Pada masa ini, pesakit tersebut berada di dalam keadaan stabil dan Kementerian Kesihatan kini dalam proses

untuk mengesahkan jika pesakit tersebut ada sebarang kaitan dengan *virus 2019-nCoV* dari Wuhan, China.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak merasa cemas dengan penularan gambar atau maklumat yang tersebar tersebut. Kementerian Kesihatan juga menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarkan melalui Internet atau melalui media-media lain seperti Whatsapp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya. Seterusnya orang ramai juga diperingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarkan sebarang perkara yang tidak disahkan oleh Kementerian ini.

Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sah, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Untuk maklumat lanjut, orang awam boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Darussalam 123.

**-TAMAT-**

Rujukan : KK/PR/4

Tarikh : 28 Jamadilawal 1441H / 24 Januari 2020M